



H-6, 2nd Floor,
Bangunan Khas, Jalan 8/1E,
46050 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan

Phone: 03-79541830
Fax: 03-79541831
E-mail: amar800@hotmail.com

Tarikh: 11hb Januari 2012

KENYATAAN AKHBAR

- Mengenai Tanah Perkuburan Masyarakat India Di Cheras Yang Terbiar

Tanah Perkuburan Masyarakat India di Cheras tidak dijaga dan terbiar sehingga lalang serta semak samun mula tumbuh, dan yang lebih memburukkan keadaan apabila ia menjadi tempat pembuangan sampah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Tanah perkuburan lain yang bersebelahan dengan Tanah Perkuburan Masyarakat India Cheras ini dibersihkan dan dijaga dengan baik. Tetapi apa yang berlaku terhadap Tanah Perkuburan Masyarakat India adalah sebaliknya. Saya mempersoalkan mengapa DBKL sebagai pihak yang memberi perkhidmatan pengkebumian dan pembakaran mayat untuk masyarakat India di Cheras membiarkan perkara ini berlaku. Mereka sepatutnya bertanggungjawab menjaga dan memastikan tanah perkuburan sentiasa dalam keadaan bersih dan terjaga.

Yang lebih malangnya apabila Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar adalah seorang pemimpin MIC. Jelas bahawa MIC sendiri tidak bertanggungjawab untuk menjaga kepentingan dan keperluan masyarakat India. Saya harap masyarakat India akan menekan Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan pihak DBKL supaya memberi penjelasan mengapa perkara ini boleh berlaku dan seterusnya memberi jaminan bahawa ia tidak akan berulang di masa hadapan.

Di sini saya lampirkan sekali beberapa gambar yang menunjukkan keadaan sebenar Tanah Perkuburan Masyarakat India Cheras untuk anda nilaikan sendiri.

Sekian, terima kasih

Yang benar,

Senator Dr. S. Ramakrishnan

Email: amar800@hotmail.com

Lampiran

Keadaan di Tanah Perkuburan Masyarakat India Cheras







